

Bab 6

KEPUTUSAN EMPIRIKAL

6.1 Pengenalan

Di dalam bab 4, model persamaan serentak telah dibentuk adalah untuk menguji kesan-kesan FDI ke atas beberapa sektor di dalam ekonomi Malaysia. Kesan-kesan ini dianalisa melalui beberapa saluran seperti ke atas sektor benar, sektor kewangan dan pengeluaran. Model ini mengandungi tujuh persamaan yang dianggarkan melalui teknik penganggar kuasa dua terkecil dua peringkat.

6.2 Hasil Ujian Augmented Dickey Fuller

Ujian unit root yang digunakan untuk menguji kepegunaan dengan kaedah ujian Augmented Dicky Fuller (ADF) telah diuji sehingga peringkat pembezaan pertama bagi kesemua pembolehubah tersebut. Hasil ujian tersebut menunjukkan kesemua pembolehubah yang membentuk model berintegrasi darjah satu. Jadual 6.1 meringkaskan keputusan ujian ADF untuk setiap siri dalam bentuk nilai pembezaan pertama dan nilai kritikal. Berdasarkan keputusan itu, boleh dikatakan bahawa semua siri adalah tidak pegun pada peringkat asal tetapi pegun apabila dilakukan pembezaan pertama. Oleh sebab hasil keputusan yang diperolehi menunjukkan semua pembolehubah adalah berkointegrasi pada I(1), maka regressi tidak bersifat ‘spurious’ dan berciri benar. Model yang dianggarkan akan berbentuk log linear.

Jadual 6.1: Ujian Statistik Augmented Dicky Fuller (ADF)

Pembolehubah	Pembezaan	Nilai pembezaan pertama	Nilai kritikal
LFDI	1	-3.525585	-2.9705**
LGDP	1	-4.203537	-3.5796**
LINV	1	-3.021918	-2.9705**
LCONS	1	-2.912143	-2.6242*
LEKSP	1	-6.363446	-3.6852***
LIMPORT	1	-5.279180	-3.6852***
LCREDITL	1	-2.805445	-2.6381*
LVAMANC	1	-2.733537	-2.9705**
LIR	1	-3.113732	-2.9705**
LCPI	1	-3.517538	-2.9705**
LUSGNP	1	-5.1829250	-3.6852***
LRWAGES	1	-4.409869	-3.6852***
LPDTVTY	1	-3.011815	-2.9705**

***(**) (*)menunjukkan signifikan pada aras keyakinan 1% (5%)(10%)

6.3 Hasil Keputusan Regressi

Hasil keputusan regressi ditunjukkan di dalam jadual 6.2. Penilaian kesignifikanan regressi ini adalah berdasarkan nilai F statistik yang melihat kesignifikanan model secara keseluruhan dan boleh menolak hipotesis nol jika nilai F statistik melebihi nilai kritikal. Ini bermakna bahawa sekurang-kurangnya satu koefisien berbeza dari kosong.

R^2 pula menunjukkan kuasa penerang persamaan di dalam model. Bagi menunjukkan kesignifikanan setiap model, hasil keputusan ujian t statistik turut diuji dan ditentukan kesignifikannya mengikut aras keertian seperti 1%, 5% dan 10%. Tanda bagi semua parameter juga turut diambilkira untuk melihat arah parameter tersebut.

Jadual 6.2 : Hasil Keputusan Regressi

1.	$LFDI = -4.8663 + 2.0202LGDP + 1.5111LCreditl - 0.9365LCPI - 1.2270LRWAGES + 0.2626D1$
	(6.9091)*** (4.6415)*** (-1.5570) (-3.4753)*** (0.8756)
	R ² = 0.974 Adj. R ² = 0.969 F stat = 183.73
2.	$Linv = 0.0938 - 0.0153 Lir + 0.4156 LGDP + 0.2526 LFDI(-1) + 0.3468 Linv(-1)$
	(-0.4833) (2.4455)** (3.5166)*** (2.4308)**
	R ² = 0.9863 Adj. R ² = 0.9841 F stat = 450.86
3.	$L Cons = 0.6512 - 0.0013Lir + 0.4519 LYbg + 0.0375LFDI(-1) + 0.4471 LCons(-1)$
	(-0.1159) (4.2905)*** (1.5603) (3.9606)***
	R ² = 0.9971 Adj. R ² = 0.9967 F stat = 2211.0
4.	$LEksp = -7.3513 + 0.0883 Linv(-1) + 0.1781 LFDI(-1) + 1.22942 LUSGNP + 0.4659 LEksp(-1)$
	(1.7781)* (2.0465)* (3.3963)*** (3.2117)***
	R ² = 0.9934 Adj. R ² = 0.9924 F stat = 948.68
5.	$LImp = 0.2829 + 0.1487 LVamanc + 0.0760 LGDP + 0.1538 LFDI(-1) + 0.7737 LImp(-1)$
	(1.2266) (0.4572) (1.6076) (5.2633)***
	R ² = 0.9744 Adj. R ² = 0.9699 F stat = 219.72
6.	$LCreditl = -4.0039 + 1.0909 LGDP + 0.3633 LFDI - 0.0118 Lir$
	(6.4740)*** (2.7207)** (-0.1577)
	R ² = 0.9486 Adj. R ² = 0.9427 F stat = 160.21
7.	$LVamanc = 8.9840 + 0.3540 LFDI + 2.7096 LPdtvty + 0.3157 Linv$
	(3.2855)** (4.2628)*** (1.8870)*
	R ² = 0.9777 Adj. R ² = 0.9751 F stat = 380.17

Nota: *Signifikan pada aras keertian 10%, ** signifikan pada aras keertian 5%, *** signifikan pada aras keertian 1%

Keputusan dari persamaan (1) menunjukkan semua pembolehubah tidak bersandar secara statistiknya adalah signifikan. Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dapat menerangkan 97.4% daripada variasi model. Seperti yang diterangkan di dalam bab 4, pembolehubah-pembolehubah yang digunakan untuk mempengaruhi kemasukan FDI ke Malaysia adalah saiz ekonomi dan pinjaman kredit, keadaan ketidakstabilan ekonomi, upah relatif dan damai diambil sebagai pembolehubah tidak bersandar.

Saiz ekonomi yang diwakili oleh GDP, pinjman kredit dan upah relatif adalah signifikan pada aras keertian 1%. Ini menunjukkan ketiga-tiga pembolehubh ini adalah penting dalam menerangkan faktor kemasukan FDI ke Malaysia. Pembolehubah CPI

yang mewakili ketidakstabilan ekonomi turut menunjukkan tanda yang sempurna, namun ia hanya signifikan pada aras keertian 20% apabila ujian ‘two tail’ dengan darjah kebebasan 19 digunakan. Manakala dami yang digunakan iaitu Akta Penggalakan Pelaburan 1986 adalah positif walaupun tidak signifikan.

Persamaan (2) pula yang menunjukkan pelaburan swasta tempatan yang dipengaruhi oleh GDP dan kemasukan FDI dengan lag satu, kadar bunga dan pelaburan swasta tempatan dengan lag satu. Walau bagaimanpun, pembolehubah kadar bunga adalah tidak signifikan walaupun mempunyai tanda negatif seperti yang dijangkakan. Bagi pembolehubah GDP dan pelaburan swasta tempatan dengan lag satu adalah signifikan pada aras keertian 5%. Pembolehubah FDI dengan lag satu pula menunjukkan kesignifikanan yang tinggi iaitu pada aras keertian 1%. Variasi yang dalam pelaburan swasta tempatan yang diterangkan oleh pembolehubah-pembolehubah yang digunakan adalah sebanyak 98.6%

Keputusan bagi penggunaan swasta ditunjukkan dalam persamaan (3). Model ini berjaya menerangkan variasi di dalam penggunaan swasta yang ditunjukkan oleh R^2 iaitu 0.99. Namun, hanya pembolehubah pendapatan bolehguna dan penggunaan swasta yang lepas adalah signifikan. Ini menunjukkan peningkatan di dalam pendapatan bolehguna dan penggunaan swasta yang lepas adalah penting di dalam meningkatkan penggunaan swasta. Manakala FDI dengan lag satu tidak signifikan pada ketiga-tiga aras keertian tersebut. Pembolehubah kadar bunga juga adalah tidak signifikan dalam mempengaruhi penggunaan swasta walaupun mempunyai tanda magnitud yang dijangkakan.

Keputusan persamaan eksport (4) menunjukkan Keluaran Negara Kasar (GNP) negara Amerika Syarikat dan eksport yang lepas adalah signifikan dan dapat

menerangkan faktor yang mempengaruhi eksport semasa di negara Malaysia. Kedua-dua pembolehubah ini adalah signifikan pada aras keertian 1% dan menunjukkan faktor yang penting di dalam peningkatan eksport. Pembolehubah FDI dengan lag satu dan pelaburan swasta tempatan pula signifikan pada aras keertian 10%. Tanda koefisien yang ditunjukkan juga adalah selari dengan teori dan keempat-empat pembolehubah tersebut menerangkan 99% dari variasi di dalam pembolehubah bergantung. F statistik yang diperolehi dari model yang digunakan juga melebihi nilai F kritikal dan menunjukkan secara statistiknya adalah signifikan.

Model yang dibentuk untuk persamaan import iaitu persamaan (5) menunjukkan import amat bergantung kepada import pada masa lepas (import dengan lag satu) di mana ia adalah signifikan pada aras keertian 1%. Ini bermakna lag masa adalah penting untuk pengubahsuaian sebelum mengambil keputusan meningkatkan sesuatu import. Pembolehubah FDI dengan lag satu masih memberi kesan positif walaupun ia dikatakan faktor ‘lemah’ yang hanya signifikan pada aras keertian 20%. Manakala pembolehubah lain yang digunakan di dalam model seperti output pengeluaran perkilangan dan GDP tidak menunjukkan hubungan yang signifikan walaupun menunjukkan tanda yang betul.

Dalam menganggarkan model pinjaman kredit (persamaan 6) dengan kaedah 2SLS yang digunakan memberi hasil keputusan dimana 94% daripada variasi di dalam pinjaman kredit dapat diterangkan oleh pembolehubah-pembolehubah yang digunakan. Semua koefisien mempunyai tanda yang sempurna seperti yang dijangkakan. Manakala F statistik secara statistiknya adalah signifikan. Bagi hasil ujian t menunjukkan keputusan yang signifikan secara statistik kepada pembolehubah GDP dan FDI namun tidak pada pembolehubah kadar bunga. Pembolehubah GDP dan kemasukan FDI adalah signifikan

pada aras keertian 1%. Keputusan ini menunjukkan kedua-dua pembolehubah ini penting di dalam menerangkan model untuk pinjaman kredit. Ini dapat ditunjukkan oleh kesignifikanan faktor GDP yang mewakili pendapatan pengguna dan begitu juga kepada kemasukan FDI yang merupakan asas pelaburan.

Secara keseluruhan hasil daripada regressi yang dibuat di dalam persamaan (7) menunjukkan FDI dan produktiviti buruh merupakan faktor penting dalam pengeluaran di dalam sektor perkilangan. Nilai kritikal bagi ujian ‘two tail’ pada aras keertian 1% dan darjah kebebasan 19 adalah 2.539. Manakala nilai t yang diperolehi yang diperolehi oleh pembolehubah FDI dan produktiviti buruh adalah lebih tinggi (3.285 dan 4.262) dan ini memberi bukti bahawa kedua-dua pembolehubah ini mempunyai pengaruh yang kuat di dalam mempengaruhi output pengeluaran sektor perkilangan di Malaysia. Manakala pembolehubah pelaburan swasta tempatan adalah signifikan pada aras keertian 10%.

6.4 Perbincangan

6.4.1 Faktor Penentu FDI

Saiz pasaran yang diwakili oleh GDP juga mempunyai keputusan positif yang signifikan secara statistik. Keputusan yang diperolehi adalah konsisten dengan kajian yang dibuat oleh Rubio dan Rivero (1994) di Sepanyol. Manakala Alias (1998) yang turut melakukan kajian untuk kes Malaysia mempunyai keputusan yang berbeza di mana beliau mendapati saiz pasaran tidak signifikan di Malaysia. Keputusan yang berbeza ini mungkin disebabkan oleh penggunaan data yang terkini dapat menerangkan struktural ini.

Saiz ekonomi masih perlu diambil kira sebagai salah satu faktor penarik. Ini kerana walaupun sebahagian besar daripada pengeluaran firma-firma asing adalah untuk pasaran eksport, namun pasaran tempatan masih mempunyai permintaannya sendiri. Permintaan untuk pasaran tempatan meningkat terutamanya selepas krisis ekonomi 1985, dasar kerajaan bukan hanya menggalakkan eksport untuk pertumbuhan (export led growth) ataupun di dalam perkataan lain permintaan luaran untuk pertumbuhan negara seperti di dalam OPP1 tetapi menekankan permintaan tempatan untuk pertumbuhan (domestic demand led growth). Oleh itu, di dalam OPP2 penekanan diberikan kepada pertumbuhan yang cepat di dalam penggunaan tempatan untuk merangsang pertumbuhan. Ini seterusnya menyebabkan permintaan berkesan di dalam negara adalah tinggi walaupun secara relatifnya saiz ekonomi Malaysia adalah kecil dan seterusnya menerangkan kesignifikan pembolehubah GDP.

Berdasarkan hasil keputusan yang diperolehi, kebolehan mendapatkan pinjaman kredit turut menjadi salah satu penentu penting di dalam kemasukan FDI. Keputusan yang diperolehi juga menunjukkan keputusan yang selari dengan keputusan Agrawal (2000) dan Hermes dan Lensink (1999) yang mendapati kebolehan mendapatkan kredit dan kualiti sistem kewangan adalah faktor penting untuk menarik FDI.

Walaupun secara amnya, kebanyakkan syarikat multinasional tidak meminjam daripada bank-bank tempatan, namun peningkatan di dalam pemberian kredit ini boleh dianggap sebagai satu pakej insentif pelaburan¹⁴ untuk firma asing mendapatkan pinjaman yang murah dan mengurangkan risiko pelaburan. Selain daripada itu, hasil keputusan turut menunjukkan bahawa peningkatan di dalam pinjaman kredit juga dapat

¹⁴ Keterangan lanjut, sila rujuk Jansen (1995)

menunjukkan pembangunan dan kemajuan serta kestabilan di dalam institusi kewangan kewangan di Malaysia.

Kebolehan mendapatkan kredit juga menjadi faktor penarik kemasukan FDI kerana sebahagian daripada projek-projek pelaburan dibiayai oleh bank dan institusi kewangan tempatan. Keadaan ini jelas di dalam projek usahasama dimana pelabur-pelabur tempatan masih memerlukan pinjaman untuk modal. Peningkatan di dalam pinjaman kredit ini memberi kepercayaan firma asing terhadap firma tempatan dari segi kemampuan modal firma tempatan tersebut. Oleh itu, disimpulkan bahawa kebolehan mendapatkan kredit mempunyai pengaruh dalam meningkatkan kemasukan FDI.

Pembolehubah ketidakstabilan ekonomi yang diwakili oleh CPI pula menunjukkan koefisien negatif seperti yang dijangkakan. Walaupun hasil ujian statistik ‘two tail’ menunjukkan CPI adalah signifikan pada aras keertian yang rendah, namun ia masih menunjukkan terdapatnya petunjuk bahawa CPI sebagai proksi ketidakstabilan ekonomi masih mempengaruhi kemasukan FDI. Penemuan ini adalah selaras dengan penemuan Rubio dan Rivero (1994). Ini membuktikan peningkatan ketidakstabilan di dalam negara akan menyebabkan pengurangan dalam kemasukan FDI. Dalam perkataan yang lain, oleh kerana proksi yang digunakan adalah CPI, ini menunjukkan bahawa peningkatan dalam kestabilan politik dan ekonomi akan menyebabkan kadar inflasi yang rendah dan dapat menarik lebih banyak pengaliran masuk FDI. Sebaliknya ketidakstabilan politik mengurangkan penggalakkan dalam kemasukan FDI.

Hasil regressi ini menunjukkan kestabilan ekonomi didapati adalah salah satu faktor penentuan kemasukan FDI ke Malaysia. Walaupun dari segi keutamaan faktor CPI dalam salah satu faktor penarik pelabur asing adalah berbeza, namun keputusan ini

sekurang-kurangnya menambahkan keyakinan ke atas hasil yang diperolehi oleh kajian Zolkarnain (1992) yang membuat tinjauan ke atas sepuluh aspek tarikan pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Beliau mendapati keadaan politik dan kestabilan ekonomi adalah faktor terpenting. Oleh itu, adalah tidak menghairankan apabila kerajaan menjalankan dasar fiskal dan monetari untuk mengekalkan tingkat harga yang stabil dan keadaan ekonomi yang baik di dalam negara.

Upah relatif tahunan diantara Malaysia dan Jepun juga menunjukkan hubungan negatif yang secara statistiknya adalah signifikan. Ini menunjukkan pelabur asing terutamanya Jepun masih mencari peluang untuk melabur di negara yang mempunyai upah relatif yang murah dan faktor upah relatif yang murah masih lagi penting dalam menggalakkan kemasukan FDI.

Keputusan ini juga turut menambahkan kesahihan kajian Poon (1993) ke atas sektor perkilangan Korea yang mengenalpasti faktor dominan bagi firma-firma Korea untuk membuat keputusan pelaburan di Malaysia ialah kos buruh yang rendah. Kajian itu juga mendapati bahawa buruh yang berkemahiran tidak penting bagi firma-firma Korea. Oleh kerana beberapa ciri pelaburan dari Korea dan Jepun adalah hampir serupa seperti teknologi yang tidak seintensif Amerika Syarikat dan penggunaan buruh yang ramai seperti yang dinyatakan di dalam kajian yang dilakukan oleh Kojima (1978) di dalam teori penciptaan perdagangannya, oleh itu kajian ini mendapati bahawa buruh yang mempunyai upah relatif rendah adalah lebih penting berbanding buruh yang berkemahiran tinggi. Ini kerana menurut teori penciptaan perdagangan Kojima (1978), firma-firma Jepun adalah berintensif buruh dan berteknologi rendah berbanding firma-

firma Amerika Syarikat¹⁵. Selain daripada itu, Jepun banyak melakukan FDI dalam bidang elektrik dan elektronik yang memerlukan banyak tenaga buruh yang murah. Keadaan ini dapat menjelaskan keputusan ini tidak selari dengan keputusan Alias (1998) yang mendapati kos relatif adalah tidak signifikan di Malaysia. Perbezaan ini mungkin wujud kerana penggunaan data yang berbeza, apabila beliau menggunakan data upah relatif Malaysia berbanding Amerika Syarikat sedangkan kajian ini menggunakan upah relatif Malaysia berbanding Jepun.

Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang menjadi dami di dalam faktor penentu kemasukan FDI walaupun mempunyai pengaruh yang positif namun ia adalah tidak signifikan. Walaupun secara kasarnya dilihat FDI meningkat selepas tahun 1989 dan dami yang digunakan adalah pada tahun 1990, namun faktor ini masih tidak menjadi penyokong kepada kemasukan FDI. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kemasukan FDI pada ketika itu, lebih dipengaruhi oleh perkembangan antarabangsa seperti nilai Yen yang tinggi berikutan persetujuan Plaza Accord (1985) dan kemudian diikuti pula oleh kenaikan matawang negara perindustrian baru (NIEs), serta kos pengeluaran yang tinggi di negara-negara NIEs yang menyebabkan penempatan semula semula industri dan kemasukan FDI di negara-negara sedang membangun termasuk Malaysia.

¹⁵ Teori anti perdagangan (anti trade) diambil dari kajian Hymer (1960) yang menilai pelaburan dari negara Amerika Syarikat yang beroperasi dalam pasaran oligopolistik dan mengeksplotasi kelebihan khusus yang diperolehi.

6.4.2 Kesan-Kesan Kemasukan FDI

Walaupun hasil keputusan kajian ini, turut melibatkan beberapa pembolehubah tidak bersandar yang lain, namun oleh kerana kajian ini melihat tentang kesan FDI, tumpuan utama kita adalah hanya kepada pembolehubah FDI yang memberi kesan kepada enam pembolehubah yang bersandar yang telah dibentuk di dalam model.

6.4.2.1 Pelaburan Swasta Tempatan

Pelaburan swasta tempatan di dapati mempunyai hubungan yang positif dengan pengaliran masuk FDI dengan lag satu. Hubungan signifikan diantara kemasukan FDI dan pelaburan swasta tempatan ini adalah konsisten dengan Jansen (1995) yang melakukan kajian ke atas ekonomi Thailand serta Ghani dan Suri (1999).

Kesan positif yang ditunjukkan oleh kemasukan FDI ke atas pelaburan swasta tempatan telah menunjukkan pada takat tertentu kemasukan FDI telah berjaya menggalakkan pelaburan di negara penerima pelaburan dan mencipta rantai kepada firma tempatan. Ini bermakna pengaliran masuk FDI telah membantu firma tempatan mencedok sedikit sebanyak pemindahan ilmu, kemahiran pengurusan dan sebagainya yang turut membantu dalam memperkembangkan pelaburan tempatan. Selain daripada itu, kesan rantai yang wujud juga dapat memberi faedah kepada industri kecil dan sederhana tempatan. Industri-industri tempatan ini menjadi pembekal-pembekal input-input samada barang mentah atau barang pertengahan kepada firma-firma asing dan seterusnya meningkatkan pelaburan tempatan.

6.4.2.2 Penggunaan swasta

Koefisien penggunaan dengan lag satu dan pendapatan bolehguna sahaja yang signifikan secara statistik di dalam model yang dibentuk. Manakala kemasukan FDI dan kadar bunga tidak signifikan dan tidak mempunyai kesan ke atas penggunaan di Malaysia. Keputusan ini konsisten dengan hubungan yang diperolehi oleh Alias (1998). Manakala keputusan ini adalah berbeza dengan Van Loo (1977) yang mendapati FDI mempunyai kesan yang negatif kepada penggunaan swasta. Walau bagaimanapun, daripada model ini didapati pembolehubah pendapatan bolehguna adalah sangat signifikan kepada penggunaan. Secara keseluruhan, keputusan ini menunjukkan bahawa penggunaan adalah bergantung kepada penggunaan masa lepas dan pendapatan bolehguna manakala FDI dengan lag satu tidak memberi kesan yang besar kepada penggunaan swasta di Malaysia.

6.4.2.3 Eksport

Hubungan diantara FDI dan eksport memberi keputusan empirikal yang menunjukkan kemasukan FDI mempunyai kesan positif kepada eksport. Penemuan ini adalah konsisten dengan penemuan yang diperolehi oleh Jansen (1995), O'Sullivan (1993) dan Mbekani (1997). Ini bermakna kemasukan FDI telah menyebabkan pengembangan dalam eksport. Keputusan tersebut mencadangkan pelaburan asing menyediakan pasaran tempatan dengan satu orientasi eksport yang kuat. Ini dapat dibuktikan apabila kemasukan FDI telah menyebabkan penubuhan beberapa Zon Perdagangan Bebas (FTZ) di mana firma-firma perkilangan ditubuhkan untuk mengeluarkan secara eksklusif untuk pasaran luar. Sistem insentif Malaysia yang

menggalakkan pemilikan 100 peratus ekuiti asing jika syarikat asing tersebut mengeksport 70 peratus daripada output pengeluaran mereka turut menjadi faktor penyumbang terhadap peningkatan dalam eksport. Ia juga dapat menjelaskan lagi usaha yang telah dilakukan kerajaan sejak tahun 1968 serta polisi perdagangan dalam menggalakkan kemasukan FDI yang berorientasi eksport.

Selain daripada itu, kemasukan FDI yang telah membawa bersama pengaliran masuk teknologi, kemahiran pemasaran, peluang pasaran yang lebih luas dan kemahiran pengurusan yang lebih tinggi. Faedah-faedah yang telah dibawa oleh firma asing menyebabkan barang eksport Malaysia menjadi lebih kompetitif dan ini seterusnya meningkatkan permintaan terhadap barang eksport Malaysia.

6.4.2.4 Import

Kemasukan FDI turut memberi kesan positif ke atas import seperti yang diperolehi oleh Jansen (1995) dan Mbekani (1997). Walaupun kesan FDI di dalam keputusan tersebut menunjukkan FDI hanya faktor yang ‘lemah’ di dalam mempengaruhi import namun, tanda positif yang selaras dengan teori yang diperolehi menunjukkan kemasukan FDI masih meningkatkan import. Ini bermakna Malaysia masih lagi bergantung kepada barang input yang diimport. Pergantungan ini tidak dapat disangkal kerana Malaysia telah meningkatkan import dalam barang perantaraan dan barang pelaburan semenjak lebih daripada satu dekad yang lepas.

Selain daripada itu, barang-barang perantaraan dan pelaburan ini juga adalah berkemungkinan mempunyai harga yang lebih rendah jika dimport kerana pengeluaran barang import di luar negara berskil besar berbanding dengan harga yang dikeluarkan

di pasaran tempatan yang mempunyai skil pengeluaran yang lebih kecil. Peningkatan di dalam import kesan daripada kemasukan FDI turut disumbangkan oleh kehendak bagi penjagaan mutu yang perlu dikenakan antara syarikat induk dengan anak-anak syarikat di pelbagai negara yang lain menyebabkan input-input yang mempunyai kualiti yang tinggi dan sama, perlu digunakan. Oleh itu, peratusan yang tinggi di dalam barang input terutamanya di dalam sektor perkilangan terpaksa dimport.

6.4.2.5 Pinjaman Kredit

Dalam mengkaji kesan FDI ke atas pinjaman kredit, hasil regressi yang telah menunjukkan kesan positif yang menunjukkan kemasukan FDI dapat meningkatkan pinjaman kredit. Ini disebabkan kemasukan FDI yang sebahagiannya masih memerlukan pembiayaan dari sumber kewangan akan mewujudkan permintaan terhadap pinjaman kredit dari bank-bank tempatan. Ini jelas membuktikan bahawa kemasukan FDI akan meningkat pinjaman kredit.

Pinjaman kredit bersifat ‘demand determined’ sememangnya ditentukan oleh permintaan. Faktor GDP mewakili pendapatan pengguna, dimana kenaikan dimana kenaikan pendapatan adalah faktor perangsang yang meningkatkan pelaburan serta permintaan kredit. FDI yang menjadi faktor utama kajian pula merupakan asas pelaburan asing yang melakukan permintaan baru untuk kredit akibat kenaikan dalam kadar pelaburan secara keseluruhan. Ini bermakna apabila kedua-dua faktor ini digabungkan, menunjukkan bahawa semakin banyak asas pelaburan dan pendapatan pengguna, semakin banyak permintaan terhadap pinjaman kredit.

Hasil keputusan FDI yang bersifat positif ini, turut menambahkan bukti daripada kajian serta hasil keputusan yang telah diperolehi oleh Ghani dan Suri (1999). FDI juga telah memberi kesan tidak langsung kepada pinjaman kredit dari institusi kewangan di Malaysia. Keadaan ini wujud apabila FDI muncul sebagai pemangkin atau perangsang suasana ekonomi dan perniagaan tempatan. Kemasukan FDI akan mewujudkan rantai hadapan dan belakang dan menyebabkan banyak pelaburan dan perniagaan baru akan berkembang. Perkembangan ini seterusnya akan menghasilkan lebih banyak permintaan terhadap pinjaman kredit dari instusi kewangan tempatan sebagai salah satu cara untuk mendapatkan modal. Keadaan ini akan memberi peningkatan di dalam permintaan pinjaman kredit dari institusi kewangan di Malaysia.

6.4.2.6 Pengeluaran

Hipotesis kesan yang positif kemasukan FDI ke atas output pengeluaran sektor perkilangan di dapati adalah selaras dengan keputusan yang diperolehi di mana koefisien yang diperolehi adalah secara statistiknya signifikan dan dapat menerangkan kesan FDI ke atas output pengeluaran. Keputusan ini didapati konsisten dengan keputusan yang diperolehi oleh Ceesay (1993) dan Shan, Gang dan Sen (1997). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kemasukan FDI semenjak tiga dekad lalu (1970-2000) telah membantu dalam pertumbuhan sektor perkilangan.

Keadaan ini ditambah lagi apabila Malaysia menukar polisi penggantian import dalam tahun lewat 60an kepada polisi penggantian eksport pada awal 70an. Kebanyakan keluaran perkilangan selepas tahun 70an adalah untuk eksport yang mempunyai pasaran yang lebih luas. Oleh itu, bagi memenuhi permintaan dunia, output

pengeluaran sudah pastinya akan meningkat. Kenyataan ini disokong oleh Rubio dan Rivero (1994) yang menjalankan kajian komposisi FDI diantara aktiviti perkilangan dan bukan perkilangan di Sepanyol mengemukakan pendapat mereka dengan mengatakan FDI telah meningkatkan integrasi ke dalam pasaran dunia dan mempercepatkan pertumbuhan dan pengembangan di dalam output pengeluaran.

Selain daripada itu, suntikan modal yang banyak dari firma asing ini dan kemahiran pengurusan serta teknologi terkini telah membantu di dalam meningkatkan output pengeluaran perkilangan. Skil pengeluaran yang besar di dalam firma asing turut menjadi penyumbang kepada pengeluaran output yang banyak dan lebih murah. Oleh itu, ini dapat menjelaskan kesignifikanan yang tinggi oleh FDI ke atas output pengeluaran berbanding dengan pelaburan tempatan yang mempunyai kesignifikanan yang lebih rendah di dalam keputusan regressi yang telah diperolehi dan turut menjelaskan hipotesis yang telah dibuat.

6.5 Kesimpulan

Secara keseluruhan, adalah di dapati model-model yang telah dibentuk menunjukkan kemasukan FDI mempunyai kesan positif ke atas sektor benar iaitu melalui pelaburan swasta tempatan, penggunaan swasta, eksport dan import. Manakala di dalam sektor kewangan kesan FDI adalah positif dilihat melalui pinjaman kredit. Begitu juga, di dalam sektor pengeluaran melalui kesan dikaji ke atas output perkilangan. Keseluruhan kesan-kesan seterusnya dapat dikatakan turut memberi kesan yang positif kepada ekonomi Malaysia.